

33

Penggunaan Kaedah V4PI Bagi Meningkatkan Kemahiran Interaksi Lisan

Sekolah Rendah Montfort Junior



Zuraidah Mohd Ariff

zuraidah_mohd_ariff@schools.gov.sg

Abstrak

Murid Darjah 6 didapati tidak mampu menjana idea dan kurang keyakinan diri semasa berinteraksi secara lisan. Ketidakkampuan ini sudah pasti akan menjejaskan kelakonan mereka semasa menduduki peperiksaan ujian lisan. Kajian ini dijalankan untuk meneliti keberkesanan strategi VPI dalam menggalakkan murid-murid untuk meningkatkan kemahiran interaksi lisan murid. Bagi mengatasi masalah ini dan menyokong pembelajaran murid, kaedah rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya, Kaedah VP4I telah digunakan untuk menyisipkan keseronokan dalam pembelajaran kemahiran lisan. Berdasarkan dapatan kajian ini, murid didapati menjadi lebih yakin bertutur di samping mampu memberikan respons yang koheren dan munasabah.

Kata Kunci: Interaksi lisan, rutin berfikir, respons murid, menjana idea, keyakinan diri



PENGENALAN

Profil murid yang berubah mengikut zaman dan kurang fasih bertutur dalam bahasa Melayu sudah pasti menjadi satu keprihatinan seorang pendidik. Perkara ini menjadi bertambah runcing apabila ruang untuk mempraktikkan penggunaannya terbatas dan peluang untuk murid mempraktikkan bahasa tersebut amat terhad. Ini akan menyebabkan keterampilan murid menggunakan bahasa Melayu akan terjejas. Maka itu pengalaman belajar bahasa Melayu perlu dijalankan dalam suasana yang menarik lagi menyeronokkan untuk menarik minat murid.

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan pemantauan guru, murid Darjah 6 didapati lemah dalam menyampaikan idea. Respons murid juga terlalu ringkas dan kadang kala dicampuradukkan dengan bahasa Inggeris. Penguasaan kosa kata yang terhad secara tidak langsung menghambat murid untuk menjana idea apatah lagi menyampaikan pendapat atau pandangan.

Berdasarkan interaksi guru dengan murid, faktor keyakinan dan motivasi menjadi keprihatinan utama. Rasa kekok berbahasa Melayu dan jeda yang terlalu lama dilihat sebagai tidak mahir dan tidak fasih. Jeffrey dan Peterson (1983) berpendapat keyakinan diri seseorang murid berupaya meningkatkan keinginannya untuk berkomunikasi dan meluahkan pendapat. Gardner (1985) pula berpendapat, motivasi dan sikap murid secara tidak langsung memainkan peranan penting dalam pembelajaran bahasa.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk :

1. meneliti keberkesanan strategi V4PI dalam membimbing murid menjana idea dalam interaksi lisan; dan
2. meneliti sejauh mana penerapan strategi V4PI dapat meningkatkan keyakinan murid dalam interaksi lisan.

KAJIAN LEPAS


Sabariah dan Noor Aini (2019) mendapati penggunaan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya yang digunakan dalam pengajaran lisan dapat meningkatkan kemahiran murid memberikan pendapat yang bernas. Dalam kajian tersebut, penggunaan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya mempunyai potensi untuk membantu murid untuk berfikir secara berstruktur.

Nasyitah dan Noor Aisyah (2015) telah menjalankan kajian menggunakan kaedah 4P, iaitu Penjelasan, Pengalaman, Pendapat dan Pengajaran untuk menceritakan dengan penuh yakin dalam rangsangan video. Dengan menggunakan kaedah 4P ini, murid dapat merancang apa yang ingin disampaikan sebelum berhadapan dengan pemeriksa. Murid juga didapati bahawa perbualan murid lebih terarah semasa mengutarakan idea dan mampu memperbualkan perkara-perkara selain daripada apa yang mereka tonton dalam video. Kaedah 4P ini telah terbukti berkesan untuk memberikan murid satu panduan bagi mengembangkan idea masing-masing. Murid juga berasa lebih yakin setelah membiasakan diri mereka menggunakan kaedah 4P.

Menurut Sri Nabilah dan Janisah (2020), murid mempunyai masalah mengaitkan pandangan mereka dengan domain atau ranah yang berbeza-beza seperti individu, masyarakat dan negara. Dengan menerapkan konsep IMan+N (Individu, Masyarakat, Negara + Nilai) dan kaedah IHCR (Isi, Huraian, Contoh, Rangkaian), murid dapat meningkatkan keupayaan mereka untuk menjana, menyusun dan menyampaikan idea yang bernas dan luas dalam perbualan lisan mereka. Strategi yang diperkenalkan dapat membantu murid membina respons yang lebih berkualiti, iaitu jelas, fokus dan yakin.

KAEDAH KAJIAN

Kajian berbentuk eksperimental ini dijalankan sepanjang bulan Februari hingga Ogos dengan menggunakan strategi V4PI. Pemerhatian guru terhadap prestasi murid dalam interaksi harian dijadikan kayu ukur untuk mengenal pasti kesediaan murid memberikan respons. Strategi V4PI diajarkan pada fasa pertama kajian ini. Murid mencatat nota dan isi perbincangan dalam buku. Mereka turut didedahkan kepada pelbagai topik dan jenis soalan. Secara sumbang saran, murid dipandu untuk mengaplikasikan strategi V4PI bersama guru. Fasa selanjutnya beralih pula ke wadah digital. Fasa terakhir merupakan latihan tubi dan sesi ulangkaji yang dilakukan menerusi strategi 'kerusi panas'.



Kajian ini akan melihat sama ada strategi V4PI dapat membimbing murid menjana idea dalam interaksi lisan.

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 16 murid Darjah 6. Kumpulan pertama adalah daripada aliran Bahasa Melayu Standard sementara 4 murid daripada aliran Bahasa Melayu Asas. Mereka memiliki aras kebolehan sederhana. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk melatih kemahiran berfikir dan bertutur agar murid boleh menjawab jenis-jenis soalan yang diajukan dalam bahagian perbualan interaksi lisan.


Instrumen Kajian

Strategi V4PI diolah untuk dijadikan instrumen kajian ini. Pengumpulan data secara keseluruhan digunakan untuk mengukur pencapaian murid. Pengkaji menganalisis data semasa peperiksaan lisan pertengahan tahun dan membandingkannya dengan data peperiksaan preliminari. Bagi data kualitatif pula, borang soal selidik digunakan untuk menilai keyakinan murid bertutur dalam bahasa Melayu apabila menggunakan V4PI dalam interaksi lisan.

Prosedur Kajian


Pada peringkat permulaan, guru akan memodelkan kepada murid secara aktif cara-cara menjawab soalan dengan menggunakan rutin berfikir 'Lihat-Fikir-Tanya'. Sebagai contoh, apabila para murid menonton video, guru akan menghentikan video lalu menyuruh murid menerangkan secara eksplisit apakah yang mereka lihat. Kemudian, murid diajak untuk berfikir sebab peristiwa itu terjadi atau apakah manfaat peristiwa tersebut terhadap pelaku. Hal ini ditandakan dengan simbol (V) iaitu Video. Apa sahaja berkenaan (V) atau video diterangkan melalui teknik *See-Think-Wonder*. Menerusi *modelling*, para pelajar dapat melihat keseluruhan cara sesuatu perbualan dapat dikembangkan. Teknik ini akan membantu murid menjana idea ketika mereka berada di dalam bilik persiapan. Murid diajak berfikir apakah soalan-soalan yang bakal ditanya pemeriksa. Perbincangan di dalam kelas dan respons murid dicatatkan dalam buku lisan mereka dalam Rajah 1.

Rajah 1: Templat Lihat-Fikir-Tanya Dan Nota Murid



Kaedah V4PI disusun untuk memudahkan murid Darjah 6 untuk mengingati perinciannya. 4P terdiri daripada **Pengalaman, Pendapat, Perasaan dan Pengajaran**. Berdasarkan pemantauan pengkaji, murid sering kali terperangkap dengan apa yang mereka lihat dalam video dan tidak dapat kaitkan dengan pengalaman peribadi mereka. Idea yang sudah dikemukakan diulang berkali-kali menandakan ketandusan idea. Oleh yang demikian, murid diajak untuk menyingkap kembali **Pengalaman** peribadi mereka dan kaitkan dengan tema yang serupa. Sebagai contoh, sekiranya video menunjukkan aktiviti berlari-lari anak dan bertemanan 'Gaya Hidup Sihat', murid tidak harus mengemukakan pengalaman yang serupa. Murid dinasihati agar mempelbagaikan contoh dengan mengemukakan aktiviti yang berlainan seperti berbasikal, bermain bola sepak dan sebagainya. Menerusi *Round Robin*, murid harus berkongsi pengalaman tetapi mereka tidak boleh mengulangi aktiviti yang sama. Aktiviti yang memakan masa ini membantu murid untuk memperkaya idea dan mengajak mereka untuk berada di luar zon keselesaan mereka.

Sebilangan kecil murid didapati menghadapi kesukaran ketika berkongsi pengalaman. Mereka mengambil jalan mudah lalu menyatakan mereka tidak mempunyai pengalaman langsung. Dalam sebuah pengajaran pengkaji, seorang murid menyatakan bahawa dia tidak ada hobi kerana hobinya adalah tidur. Guru perlu meyakinkan murid bahawa respons sedemikian tidak dapat dikembangkan dan akan merugikan diri mereka sendiri. Langkah yang boleh dilakukan murid adalah mengolah atau mereka-reka peristiwa yang bersesuaian, walaupun tidak benar. Namun, mereka diingatkan untuk berkongsi



peristiwa yang realistik seperti peristiwa yang mereka pernah dengar atau yang dialami oleh keluarga atau rakan mereka sendiri.

Setelah berkongsi pengalaman, murid tidak seharusnya berhenti di situ. Mereka seharusnya memberikan **Pendapat** tentang aktiviti tersebut. Ramai murid yang menghadapi kesukaran untuk bahagian ini kerana tidak mempunyai pemikiran yang matang atau tidak dapat mencari kosa kata yang sesuai. Sebagai contoh, ada murid yang tergamam apabila memikirkan manfaat menjalani gaya hidup yang sihat. Semasa perbincangan, murid harus secara sengaja didedahkan kepada kosa kata yang bersesuaian dengan tema tersebut. Kosa kata murid harus dibina secara konsisten dan dengan penuh kepedulian.

Perkongsian murid turut disusuli dengan menampilkan apakah **Perasaan** mereka apabila melakukan aktiviti itu dan sebabnya. Hal ini akan memaksa murid untuk mengembangkan manfaat aktiviti itu. Sebagai contoh, selain menyihatkan badan, aktiviti bersenam juga boleh mengeratkan hubungan kekeluargaan. Murid juga boleh berkongsi perasaan mereka secara jujur. Sebagai contoh, sejujurnya saya berasa penat apabila bersenam. Saya berasa kurang selesa kerana badan saya senantiasanya berpeluh. Namun, bersenam memang baik untuk jantung saya. Saya akan berusaha untuk bersenam walaupun saya berasa penat sekali pun.

Murid diajar untuk mengakhiri perkongsian dengan **Pengajaran**. Pengajaran amat perlu agar respons murid tidak tergantung. Cara yang mudah untuk membuat pemeriksa kagum adalah mengakhiri ucapan dengan pengajaran yang dipelajari daripada perkongsian murid. Bagi murid sekolah rendah, amat baik sekiranya mereka dapat merujuk kembali pada nilai sekolah. Memandangkan sekolah yang menjadi kajian ini mendukung nilai '*Christe Values*' iaitu Keihlanan (*Compassion*), Rendah diri (*Humility*), Hormat (*Respect*), Integriti, Kerjasama (*Teamwork*) dan Khidmat (*Service*); murid mampu mengaitkan perbincangan dengan nilai sekolah. Diperhatikan juga bahawa di peringkat awal 4P diperkenalkan, murid tidak dapat mengenal pasti pengajaran di sebalik peristiwa kecuali apabila diminta guru untuk memikirkannya. Hal ini bukan satu masalah yang besar kerana aspek interaksi harus wujud antara guru dan murid. Yang penting, dengan memasukkan pengajaran, murid dapat mengemukakan persona sebagai individu yang mempunyai nilai empati. Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa perbualan pelajar menjadi lebih terperinci, tersusun dan bernas apabila murid menggunakan 4P.

Jadual 1: Respons Pelajar Menggunakan Kaedah (V4P) I

SOALAN 1 : Ceritakan apakah perkara menarik yang kamu lihat dalam video tersebut?	
Video	Dalam video itu, saya dapat melihat pelanggan di pusat makanan itu membuang sampah di atas meja. Mereka juga tidak memulangkan pinggan mangkuk mereka.
Pendapat	Pada pendapat saya, perbuatan ini salah dan tidak bertimbang rasa. Burung-burung merpati boleh memakan sisa makanan di atas meja dan pekerja-pekerja pembersih di situ perlu membersihkan kawasan yang kotor itu.
Pengalaman	Saya pernah melihat pelanggan tidak angkat makanan yang tidak habis di Kopitiam.
Perasaan	Saya berasa geli untuk duduk di situ.
Pengajaran	Melalui pengalaman ini, saya mempelajari nilai bertanggungjawab terhadap alam sekitar kita.

Salah satu aspek penting yang kurang diteroka ialah ranah yang berbeza-beza dalam masyarakat. Kajian ini juga memerhatikan respons murid apabila disuruh mengemukakan saranan atau memberi cara-cara menangani sesuatu isu, respons murid ringkas dan tertakluk kepada pengetahuan yang minimum atau asas sahaja. Oleh yang demikian, terlahir (4I) yang terdiri daripada **Isu, Ibu bapa, Ilmu (Sekolah) dan Individu**. Jika diperhatikan, terdapat domain lain seperti masyarakat, media massa dan pemerintah. Namun, domain (4I) sudah memadai bagi murid menjawab soalan interaksi lisan bersesuaian dengan peringkat umur mereka. Penerapan (4I) turut diajarkan secara eksplisit dan *modelling*. Murid juga harus bijak menyesuaikan VPI dengan soalan yang diajukan. Mereka diingatkan bahawa walaupun mempunyai panduan, perkara yang utama adalah menjawab soalan dan elakkan daripada menyeleweng. Murid mempunyai kebebasan memadam atau memasukkan mana-mana perincian mengikut kesesuaian soalan.

Rajah 2: Infografik Dan Panduan Memulakan Perbualan

The infographic is divided into three columns, each representing a question:

- Soalan 1:** "Dengar dan ulang soalan". Response box: "Di dalam video itu, saya dapat melihat ...", "Saya ada pengalaman.", "Pada pendapat saya,", "Perasaan: Saya berasa ... kerana", "Pengajaran: Saya belajar nilai".
- Soalan 2:** "Dengar dan ulang soalan". Response box: "Sekarang, terdapat isu...", "Di rumah, ibu bapa boleh", "Ilmu: Di sekolah, guru boleh", "Sebagai individu, kita boleh".
- Soalan 3:** "Dengar dan ulang soalan". Response box: "Saya setuju dengan kenyataan itu.", "Saya tidak setuju kerana", "Pada pendapat saya,", "Sebagai contoh,".

Berdasarkan koleksi soalan-soalan PSLE, soalan kedua dalam interaksi lisan sering kali mengajak calon memberikan saranan mengenai permasalahan yang terdapat dalam video. Maka, wajar sekiranya murid dapat mengutarakan isu dalam video terlebih dahulu. Apabila murid dapat berfikir melalui entiti yang berbeza, contohan yang diberikan tersusun mengikut tatatingkat dalam masyarakat yang meliputi pihak keluarga, pihak sekolah dan apakah yang boleh kita lakukan sebagai individu. Dengan cara ini, murid dapat ditonjolkan sebagai pemikir yang lebih matang.

Jadual 2: Respons Pelajar Menggunakan Kaedah V4P(I)

SOALAN 2 : Terangkan cara kamu boleh menjimat air?	
Isu	Pada pendapat saya, ramai orang di Singapura membazir air kerana mereka tidak sedar bahawa air sangat penting bagi manusia.
Ibu bapa	Untuk menjimat air, ibu saya akan mengumpulkan air daripada mesin pembasuh untuk mengemop lantai.
Ilmu (Sekolah)	Di sekolah, kempen menjimat air boleh diadakan. Guru-guru boleh menunjukkan video yang berkaitan dengan pembaziran air dan murid-murid boleh membuat poster.
Individu	Sebagai individu, kita boleh menjadi contoh teladan yang baik. Saya akan menutup paip air apabila saya menyabun.


Dalam fasa kedua, peralihan pengajaran ke wadah digital dilaksanakan apabila murid sudah biasa dengan strategi VPI. Guru menyediakan wadah digital Padlet untuk memantau sejauh mana murid dapat mengaplikasikan strategi VPI. Peralihan pengajaran ke wadah digital ini penting kerana memberi peluang bagi murid mengaplikasi pengetahuan dan merekonstruksi idea mereka secara individu. Semua bahan pengajaran seperti klip video, infografik, soalan-soalan lisan dimuat naik dalam aplikasi Padlet tersebut. Murid ditugaskan menaip respons mereka bagi tiga soalan lisan dan guru menekan bahawa respons mereka mesti menunjukkan bahawa mereka mampu mengaplikasikan strategi VPI. Pembelajaran lebih berbentuk fleksibel dan berdikari. Dalam waktu pembelajaran, murid boleh merujuk pada infografik untuk memulakan ayat. Mereka juga boleh mengulang tayang video rangsangan tersebut. Mereka juga boleh membaca maklum balas guru dan rakan sebaya dan menghalusi respons mereka sebelum merakam video.

Terdapat banyak manfaat menggunakan aplikasi Padlet. Antaranya, murid dapat mengambil bahagian dalam penjaan idea. Murid yang lemah dapat melihat contohan daripada rakan-rakan yang cemerlang sekali gus membina budaya pembelajaran yang kolaboratif dan positif. Bahan yang

dibina secara kolaboratif ini boleh dijadikan rujukan dan sangat bermanfaat untuk dibuat sebagai ulangkaji. Mereka juga boleh mendengar dan menonton rakaman rakan-rakan lain. Hal ini memberi mereka motivasi untuk menjadi penutur yang lebih baik.

Bagi murid yang introvert dan pemalu, wadah ini memberi mereka peluang untuk mengutarakan idea dalam ruang yang selamat. Murid merasakan melalui pembelajaran digital, mereka dapat mencari makna dalam talian dengan lebih mudah. Mereka tidak perlu bergantung pada guru atau teman-teman yang lain. Sepanjang pembelajaran secara digital ini, murid berjaya meneroka tema-tema seperti Hobi, Kebersihan dan Kecuaian di Jalan raya.

Rajah 3: Respons Murid Dalam Wadah Digital Padlet



Dalam fasa ketiga, peralihan pembelajaran daripada ruang digital kembali ke sesi bersemuka. Pengajaran ini dilaksanakan dalam bentuk 'hot seat' atau kerusi panas. Murid masih menggunakan strategi yang sama iaitu V4PI. Namun, mereka harus berfikir secara spontan di khalayak teman-teman mereka. Mereka tidak diberikan masa untuk berbincang ataupun menulis seperti di dalam padlet. Apa yang mereka ada adalah infografik panduan memulakan perbualan. Infografik ini ditampilkan pada sebuah kotak.

Apabila nama murid dipanggil dalam Aplikasi Wheel of Names, mereka melontarkan kotak untuk memilih soalan yang bakal diajukan guru. Apabila murid sudah selesai menjawab, rakan sebaya boleh mengajukan soalan berdasarkan perincian yang tidak disentuh dalam respons rakan dalam

strategi V4PI. Kemudian, rakan sebaya menilai respons murid yang telah diuji. Mereka memberikan komen secara membina dan menyatakan perkara yang perlu diperbaiki. Semua murid diberikan kesempatan untuk duduk di kerusi panas dalam keadaan yang serius memandangkan mereka bakal menduduki peperiksaan PSLE interaksi lisan dalam beberapa minggu lagi. Murid kelihatan tertekan disebabkan jangkaan tinggi terhadap mereka. Mereka akur akan kriteria respons yang cemerlang dan berusaha untuk cuba mencapai jangkaan tersebut.

Rajah 4: Aktiviti Kerusi Panas



DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan melalui data kualitatif yang mengambil kira gred murid menunjukkan ada peningkatan yang nyata. Analisa dilakukan berdasarkan sistem pemarkahan PSLE baharu yang menggunakan format Tahap Pencapaian atau *Achievement Level* (AL) 1 hingga 8. Jalur AL antara skor AL 1 hingga 4 mempunyai julat yang lebih sempit. Hal ini menunjukkan bahawa guru perlu melengkapkan murid dengan kemahiran berfikir yang lebih tinggi agar mereka dapat mencapai gred yang sebaik mungkin. Dalam konteks interaksi lisan, murid bukan sahaja harus mampu bertutur bahasa Melayu dengan baik tetapi perlu mempunyai kebijaksanaan menghubungkan peristiwa yang dilihat dalam video dengan pengamatan mereka terhadap isu tersebut di samping memberikan alasan yang munasabah.

Berdasarkan pencapaian keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan murid yang memperoleh Tahap Pencapaian 1 – 4. Data pada Jadual 3 menunjukkan bahawa peratusan murid yang mendapat gred cemerlang melonjak daripada 41.7% kepada 58.3%. Begitu juga dengan peratusan murid yang meraih AL 1-2, peningkatan yang sedikit daripada 8.3% kepada 16.7% tetapi sangat memberangsangkan. Murid yang tergolong dalam AL 6 dalam praujian telah naik ke tahap pencapaian yang

lebih tinggi. Nampaknya, proses membudayakan aktiviti berfikir menggunakan strategi V4PI membantu murid bertutur dengan yakin. Langkah intervensi yang dijalankan semasa aktiviti kerusi panas mencabar murid untuk membina isi kandungan yang matang dan respons yang lebih koheren.

Jadual 3: Prestasi Murid (Standard)

Kelas	AL1	AL2	AL3	AL4	AL5	AL6	AL	Raw Mark Range
Praujian	0	1	2	2	4	3	1	≥ 90
% AL1- 2	8.3%						2	85 - 89
% AL1 – 4	41.7%						3	80 - 84
% AL1 - 6	100%						4	75 - 79
Kelas	AL1	AL2	AL3	AL4	AL5	AL6	5	65 - 74
Pascaujian	0	2	3	2	5	0	6	45 - 64
% AL1- 2	16.7%						7	20 - 44
% AL1 – 4	58.3%						8	< 20
% AL1- 6	100%							

Oleh sebab bilangan murid yang mengambil bahasa Melayu Asas amat sedikit, pemberatan seorang murid mendukung 25%. Data pada Jadual 4 menunjukkan bahawa terdapat penurunan dalam peratusan murid yang mendapat markah cemerlang. Tahap pencapaian yang mereka peroleh lebih rendah atau sama di AL 7. Ini mencerminkan bahawa strategi V4PI belum ada kesan yang jelas bagi membantu murid asas mengembangkan respons mereka. Hal ini mungkin disebabkan beberapa faktor. Antaranya ialah kesulitan memahami tuntutan soalan lisan interaktif, kelemahan dalam kosa kata untuk menjelaskan respons dan tidak mempunyai pengamatan yang mencukupi terhadap tema video.

Jadual 4: Prestasi Murid (Asas)

Kelas Asas	AL6	AL7	AL8	Grades for Foundation	Foundation Raw Mark Range	Equivalent Standard Level AL
Praujian	1	3	0	A	75 - 100	6
% AL 6	25%			B	30 - 74	7
% AL 6 – 7	75%			C	< 30	8
Kelas Asas	AL6	AL7	AL8			
Pascaujian	0	4	0			
% AL 6	0%					
% AL 6 – 7	100%					

Bagi membantu guru memahami tahap kesediaan murid menerapkan strategi V4PI dalam respons perbualan mereka, murid diminta melengkapkan tinjauan berdasarkan empat kenyataan. Berdasarkan dapatan, 100% murid memberikan respons 'Sangat Setuju/Setuju' terhadap (Soalan 1) kemampuan murid mengembangkan idea dengan menggunakan V4PI dalam interaksi lisan dan (Soalan 4) keyakinan murid bertutur dalam bahasa Melayu apabila menggunakan V4PI dalam interaksi lisan. Data yang terkumpul turut menunjukkan murid lebih seronok menggunakan padlet daripada menjalani aktiviti kerusi panas. Pada pengamatan pengkaji, respons ini bertimbal balik pada keselesaan dan keyakinan murid bertutur di khalayak ramai. Ada murid yang lebih suka menaip respons di papan kunci mereka daripada bertutur secara spontan kerana mereka rasa diperhatikan dan terdedah pada kritikan. Walaupun terdapat respons yang kurang positif bagi aktiviti kerusi panas, murid akur bahawa peperiksaan lisan dijalankan secara bersemuka dan aktiviti berkomunikasi secara bersemuka amat diperlukan dalam membantu mereka memperbaiki kemahiran ini.

Jadual 5: Tinjauan Murid Dalam Borang Soal Selidik

Item	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
1. Melalui pembelajaran yang dijalankan, saya mampu mengembangkan idea dengan menggunakan VPI dalam interaksi lisan.	31.25%	68.75%	0.0	0.0
2. Saya suka guru menggunakan ICT (Padlet) bagi menjana idea.	43.75%	56.25%	0.0	0.0
3. Saya suka guru menggunakan teknik 'kerusi panas' untuk meningkatkan keyakinan saya.	18.75%	43.75%	25.00%	12.5%
4. Saya lebih yakin bertutur dalam bahasa Melayu apabila menggunakan VPI dalam interaksi lisan.	25.00%	75.00%	0.0	0.0

KESIMPULAN

Dapatan daripada kajian ini amat memberangsangkan melalui kiraan peratusan murid yang lulus dan cemerlang. Walaupun proses ini agak rumit dan panjang, matlamat kajian untuk meningkatkan keyakinan diri murid dan melahirkan pendapat dengan cara yang sistematik telah pun tercapai. Bukan itu sahaja, setiap murid didapati berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memberikan prestasi yang terbaik untuk mengaplikasikan strategi V4PI. Dalam aktiviti yang dijalankan, murid juga turut saling menghulurkan bantuan,

lebih-lebih lagi kepada rakan-rakan mereka yang lebih lemah, sekali gus menerapkan aspek-aspek *Social Emotional Learning* (SEL) dalam kalangan murid. Secara syumul, perancah pembelajaran yang tersusun dan pelantar untuk murid berlatih mengaplikasikan strategi VPI berjaya untuk menaik taraf prestasi murid. Justeru, melahirkan murid yang lebih yakin untuk bertutur dalam bahasa Melayu dan memberikan respons yang bernas ketika menjawab soalan-soalan interaksi lisan.

RUJUKAN

Ariff Rizwan Mohammed Eusoff Sahab, Polisi Bahasa Keluarga (FLP): Amalan, Ideologi dan Impak Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ibunda Di Singapura. 2018 https://www.nie.edu.sg/docs/default-source/academic-group/asian-languages-and-cultures/01-family-language-policy---ideology-practices-and-impact-of-the-malay-language-as-mother-tongue-in-singapore.pdf?sfvrsn=cbb06511_2


Bialystok E, Craik FIM, Green DW, Gollan TH. Bilingual Minds. *Psychological Science in the Public Interest*. 2009;10(3):89–129. doi: 10.1177/1529100610387084. [PubMed] [CrossRef] [Google Scholar]

Gardner, R. C. (1985). Social psychology and second language learning: The roles of attitudes and motivation. London, England: Edward Arnold.

Jeffrey, R. C., & Peterson, O. (1983). Speech: A basic text. New York: Harper & Row.

Nasyitah Abu Bakar & Noor Aisyah Ahmad Sharif (2015) Penggunaan Kaedah 4P bagi Penilaian Kompetensi Lisan. Diterbitkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura.

Pairah Satariman (2006). Malay Language curriculum in secondary schools in Singapore: An evaluation of its development and implementation. (Unpublished Master of Arts Thesis). National University of Singapore. Singapore.



Ritchhart, R., Church, M., & Morrison, K. (2011). Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners. San Francisco: Jossey-Bass.

Sabariah Mohd Samuni dan Noor Aini Jamin (2019) Penerapan Rutin Berfikir Lihat-Fikir-Tanya Bagi Kemahiran Lisan Melalui Penggunaan ICT. Diterbitkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura.

Sperber D, Clément F, Heintz C, Mascaro O, Mercier H, Origgi G, Wilson D. Epistemic vigilance. *Mind & Language*. 2010;25(4):359–393. doi: 10.1111/j.1468-0017.2010.01394.x. [CrossRef] [Google Scholar] [Ref list]

Sri Nabilah Basri dan Janisah Zainal (2020) Keberkesanan Penerapan IMan+N Dan IHCR Dalam Mengembangkan Respons Pelajar Dalam Interaksi Lisan. Diterbitkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura.